

ID40


PEMBINAAN INSTRUMEN UNTUK MENGUKUR GELAGAT PENGGUNA TERHADAP STATUS HALALShamshuritawati Sharif¹, Mohd Sofi Ariffin²

Ketepatan maklumat dalam menjalankan analisis berstatistik adalah penting bagi membolehkan satu tafsiran umum terhadap populasi kajian dilakukan berdasarkan data sampel. Oleh itu, satu instrumen bagi mengukur gelagat pengguna tentang status halal berdasarkan kepada teori kepatuhan pengguna (*Theory of Planned Behaviour*) telah dibangunkan sebelum menjalankan kutipan data. Data yang berkualiti bukan sahaja datang daripada teknik pensampelan yang baik tetapi mestilah instrumen yang sah dan boleh dipercayai. Untuk mendapatkan bukti empirikal tentang kesahan dan kebolehpercayaan instrument, dua analisis berkaitan telah dilaksanakan iaitu pekali Cronbach Alpha dan analisis penjelajahan faktor. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa pekali CA adalah bernilai 0.7 iaitu memenuhi *cut-off point* yang ditetapkan, manakala analisis penjelajahan faktor telah mencadangkan lima faktor iaitu kesedaran, norma-subjektif, sikap, kawalan gelagat ditanggap dan niat gelagat boleh digunakan bagi tujuan kutipan data untuk yang seterusnya.

Kata kunci : gelagat pengguna, Halal, kajian rintis, kebolehpercayaan, instrumen

1. PENGENALAN

Teori kepatuhan pengguna (*Theory of Planned Behaviour*) telah dibangunkan sejak sekian lama oleh Ajzen (1991). Beberapa modifikasi terhadap teori tersebut telah dilakukan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan topik yang ingin dikaji seperti kajian oleh Ramayah et al (2008), Saad et.al (2010) dan Teo & Lee (2010). Dalam kajian berkaitan niat gelagat kepatuhan pengguna terhadap makanan halal, faktor kesedaran juga akan dipertimbangkan sebagai faktor keempat bagi menjelaskan bahawa niat gelagat kepatuhan halal bukan hanya ditentukan oleh tiga faktor penentu sahaja. Kerangka kajian dipersembahkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 : Kerangka Kajian Gelagat Kepatuhan Halal

Secara umumnya, menggunakan produk halal adalah sesuatu yang wajib bagi semua umat Islam. Ini berpandukan kepada beberapa ayat di dalam Al-Quran yang menyentuh

¹ School of Quantitative Sciences, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia

² Kulliyah Muamalat, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah, Malaysia

tentang arahan Allah mengenai kewajiban menggunakan produk halal (Marzuki, Hall & Ballentine, 2011). Justeru itu, satu alat pengukuran kepada gelagat pengguna terhadap makanan halal adalah perlu dibangunkan bagi mendapatkan maklumat berkaitannya.

Namun begitu, pembentukannya gaya hidup dan latar belakang yang berbeza serta kesedaran akan memberikan impak yang berbeza kepada pengguna (Yang et al, 2010). Oleh itu, dalam kajian ini, faktor kesedaran pengguna telah ditambah sebagai peramal niat gelagat. Kesedaran pengguna atau pengetahuan pengguna adalah satu perkara yang diperolehi melalui pengalaman atau pembelajaran (Che Ahmat, 2011). Ini bermakna, ketika pembelian produk halal dilakukan, pengguna perlu mengetahui tentang konsep produk halal dan logo halal terlebih dahulu (Awan, 2015).

Kajian kesahan dan kebolehpercayaan terhadap instrumen yang baru dibangunkan adalah amat penting bagi menghasilkan instrumen yang tidak terdedah kepada kecacatan mahupun salah tafsiran. Semakin tinggi tahap kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen, maka semakin jitu data yang diperolehi daripada responden kajian (Din et.al, 2009).

2. ANALISIS EMPIRIKAL

Tinjauan rintis menggunakan instrumen yang dibina telah diberikan secara atas talian kepada 90 orang ramai yang berusia 18 tahun ke atas. Asas utama pembinaan instrumen ini adalah berdasarkan kepada kajian literatur. Sebanyak 16 item dihasilkan seperti Jadual 1. Nilai min bagi 16 item kajian adalah antara 5.30 hingga 6.93 kecuali untuk tiga item A1, A2, dan A3.

Secara majoritinya, ini menunjukkan responden adalah bersetuju dengan semua item penilaian yang tersebut. Manakala, majoriti mereka juga tidak bersetuju apabila dikatakan makanan halal tidak semestinya lebih bersih, berkhasiat dan selamat.

Seterusnya analisis empirikal iaitu pekali Cronbach Alpha dan analisis penjelajahan faktor bagi memahami kesahihan instrumen yang dibina. Secara khususnya, analisis penjelajahan faktor dilakukan dengan menggunakan kaedah komponen prinsipal dan teknik putaran varimaks.

Secara umumnya, prosedur analisis penjelajahan faktor adalah melibatkan tiga peringkat iaitu mengenal pasti kewujudan nilai korelasi antara faktor, diikuti dengan mengekstrak faktor dan diakhiri dengan memutar faktor (Tabachnick & Fidell, 2007).

Teknik putaran varimaks bermaksud item-item yang mempunyai korelasi yang tinggi diletakkan dalam suatu konstruk yang sama kerana ia mengukur konsep yang sama manakala item yang terdapat dalam konstruk yang berbeza mempunyai korelasi yang rendah kerana ia mengukur konsep yang berlainan. Pemutaran ke atas faktor yang dikaji akan memperbaiki data dengan mengurangkan kesamaran yang ada dalam faktor yang tidak diputar. Kaedah ini dapat menentukan item benar-benar dikategorikan mengikut ciri-ciri yang sama iaitu mengukur perkara yang sama di samping menyingkirkan item yang tidak relevan untuk analisis selanjutnya.

Jadual 1 : Analisis Deskriptif bagi 16 Item Penilaian yang dibina

#	Kod	Item Penilaian	Min	Sisihan Piawai
1	K1	Nyatakan tahap kesedaran anda terhadap kepentingan makanan halal	6.41	.853
2	K2	Nyatakan tahap kesedaran anda terhadap kepentingan LOGO halal	6.59	.749
3	A1	Makanan halal tidak semestinya lebih bersih berbanding dengan makanan tidak halal.	2.48	1.877
4	A2	Makanan halal tidak semestinya lebih berkhasiat berbanding dengan makanan tidak halal.	2.79	1.886
5	A3	Makanan halal tidak semestinya lebih selamat berbanding dengan makanan tidak halal.	2.56	1.795
6	SN1	Ahli keluarga saya lebih suka memilih makanan berlogo halal	6.37	1.563
7	SN2	Rakan-rakan berfikir bahawa saya harus memilih makanan berlogo halal	6.28	1.456
8	SN3	Kebanyakan mereka yang penting dan rapat dengan saya memilih makanan berlogo halal	6.36	1.440
9	SN4	Sesiapa sahaja boleh mempengaruhi saya untuk membeli makanan berlogo halal	5.30	2.094
10	BC1	Makanan berlogo halal mudah ditemui di kawasan kediaman saya	6.48	1.268
11	BC2	Terdapat banyak pilihan makanan berlogo halal dijual di kawasan kediaman saya	6.43	1.252
12	BC3	Harga makanan berlogo halal adalah berpatutan	6.10	1.358
13	BI1	Saya akan makan, jika makanan itu halal	6.93	.334
14	BI2	Saya akan makan, jika makanan itu dijual di kedai makanan halal	6.80	.508
15	BI3	Saya akan makan, jika makanan itu tidak dimasak orang sembarangan	6.53	.958
16	BI4	Saya akan makan, jika makanan itu tidak diragui halal	5.51	1.892

Pada pusingan pertama analisis, item ke-16 iaitu "Saya akan makan, jika makanan itu tidak diragui halal" telah dibuang kerana item tersebut tidak mempunyai item lain yang samar dengannya. Seterusnya, analisis dijalankan untuk kali kedua tanpa item tersebut dan keputusan analisis dilaporkan dalam Jadual 2.

Berdasar nilai eigen dan jumlah varians yang dijelaskan, 15 item penilaian terpecah kepada empat komponen faktor iaitu Kesedaran (2 item), Sikap (3 item), Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat Ditanggung (7 item) dan Niat Gelagat Kepatuhan (3 item). Secara keseluruhannya, tahap kepercayaan bagi setiap konstruk adalah baik, iaitu nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.60. Begitu juga dengan tahap kesahihan faktor apabila nilai *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) adalah 0.796. Kesahihan ini selari dengan saranan Hair *et al.* (1998) dan Nunnally (1978).

Jadual 2 : Keputusan Analisis Penjelajahan Faktor

#	Kod	Item Penilaian	Faktor				Pekali Cronbach Alpha
			1	2	3	4	
1	K1	Nyatakan tahap kesedaran anda terhadap kepentingan makanan halal				.879	0.631
2	K2	Nyatakan tahap kesedaran anda terhadap kepentingan LOGO halal				.800	
3	A1	Makanan halal tidak semestinya lebih bersih berbanding dengan makanan tidak halal.		.835			0.818
4	A2	Makanan halal tidak semestinya lebih berkhasiat berbanding dengan makanan tidak halal.		.896			
5	A3	Makanan halal tidak semestinya lebih selamat berbanding dengan makanan tidak halal.		.825			
6	SN1	Ahli keluarga saya lebih suka memilih makanan berlogo halal	.863				0.898
7	SN2	Rakan-rakan berfikir bahawa saya harus memilih makanan berlogo halal	.860				
8	SN3	Kebanyakan mereka yang penting dan rapat dengan saya memilih makanan berlogo halal	.915				
9	SN4	Sesiapa sahaja boleh mempengaruhi saya untuk membeli makanan berlogo halal	.502				
10	BC1	Makanan berlogo halal mudah ditemui di kawasan kediaman saya	.911				
11	BC2	Terdapat banyak pilihan makanan berlogo halal dijual di kawasan kediaman saya	.895				
12	BC3	Harga makanan berlogo halal adalah berpatutan	.727				
13	BI1	Saya akan makan, jika makanan itu halal			.663		0.610
14	BI4	Saya akan makan, jika makanan itu dijual di kedai makanan halal			.704		
15	BI5	Saya akan makan, jika makanan itu dimasak oleh sesiapa sahaja			.776		
Nilai eigen			5.04	2.21	1.75	1.32	
Jumlah varians yang dijelaskan (%)			33.6	14.7	11.6	8.8	

Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) = 0.796, Nilai p ujian Barlett's = 0.000

3. RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai pekali Cronbach Alpha adalah tinggi iaitu melebihi 0.60. Maka, instrumen yang dibina berdasarkan teori gelagat kepatuhan mencapai tahap kebolehpercayaan. Manakala analisis penjelajahan faktor menunjukkan empat faktor telah terhasil iaitu Kesedaran, Sikap, Norma Subjektif dan Kawalan Gelagat Ditanggap serta Niat Gelagat Kepatuhan. Setiap item menunjukkan beban (*factor loading*) yang memuaskan lebih daripada 0.6 (Hair et al). Oleh itu, instrument boleh digunakan untuk kajian selanjutnya.

RUJUKAN

- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E. and Tatham, R. L. (2006). *Multivariate data analysis*. 6th edition, Pearson Prentice Hall.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric theory*. Edisi Kedua. New York: McGraw Hill
- Ramayah, T., O.S. May and A. Omar, 2008. Behavioral determinants of online banking adoption: Some evidence from a multicultural society, *I-manager's Journal of Management*, 2(3): 29-37.
- Rossen Din, Mazalah Ahmad, Muhammad Faisal Kamarul Zaman, Norhaslinda Mohamad Sidek, Aidah Abdul Karim, Nur Ayu Johar, Kamaruzaman Jusoff, Mohamad Shanudin Zakaria, Khairul Anwar Mastor & Siti Rahayah Ariffin. Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal-Selidik Gaya e-Pembelajaran (eLSE) Versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch. *Journal of Quality Measurement and Assessment*. 5(2). 2009. 15-27.
- Saad, R.A.J., Bidin, Z., Md Idris, K. and Md Hussain, M.H. (2010), Faktor-faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan. *Jurnal Pengurusan*, 3, 49-61
- Tabachnick B.G., & Fidell L.S. (2007). *Using multivariate statistics (5th ed.)*. Boston: Pearson Education Inc.
- Teo, T., & Lee, C. B. (2010). Explaining the intention to use technology among student teachers: An application of the Theory of Planned Behavior (TPB). *Campus-Wide Information Systems*, 27(2), 60-67
- Yang, D., Olesova, L., & Richardson, J. C. (2010). Impact of cultural differences on students' participation, communication, and learning in an online environment. *Journal of Educational Computing Research*, 43(2), 165-182